

OPERASI FIRMA UKUR BAHAN TEMPATAN DI LUAR NEGARA

MUHAMMAD FAIZ BIN AHAMAD KAMAL

**Laporan projek ini dikemukakan
sebagai memenuhi sebahagian daripada
syarat penganugerahan Ijazah
Sarjana Muda Ukur Bahan**

**Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia**

MEI, 2006

ABSTRAK

Perkhidmatan ukur bahan bermula di Malaysia apabila pegawai Inggeris memperkenalkannya pada tahun 1930-an. Sejak itu perkhidmatan ukur bahan telah mengalami perkembangan positif dan banyak firma ukur bahan yang ditubuhkan terutamanya ketika zaman kemuncak ekonomi negara antara 1960-an dan 1970-an. Ini disebabkan oleh permintaan yang tinggi hasil daripada lambakan projek pembinaan melalui Rancangan Malaysia yang diperkenalkan setiap 5 tahun sekali. Perkembangan ini berlaku secara berterusan dan perkhidmatan ukur bahan semakin kukuh dan diiktiraf penerapannya sehinggalah Malaysia menandatangani Perjanjian GATT yang menyaksikan bermulanya cabaran globalisasi terhadap industri pembinaan negara. Globalisasi yang dihadapi bakal membawa bersama suatu keadaan dimana setiap ahli yang terlibat dalam industri pembinaan tempatan termasuk firma ukur bahan perlu bersaing dengan syarikat bertaraf antarabangsa untuk merebut peluang projek di dalam negara. Hal ini menyebabkan penguasaan firma ukur bahan tempatan dalam projek domestik semakin merosot tambahan pula keadaan industri pembinaan kini menunjukkan pertumbuhan yang agak lembap. Sekiranya keadaan ini berterusan maka masa depan firma ukur bahan dilihat semakin malap untuk terus bertahan dalam situasi meruncing ini. Dalam mengatasi kemelut ini, kerajaan Malaysia telah mencadangkan supaya semua pihak yang terlibat dalam industri pembinaan merebut peluang yang ada di luar negara bagi menjamin survival mereka dan mengembangkan operasi syarikat ke peringkat yang lebih tinggi. Cadangan ini dilihat sebagai suatu langkah yang positif malah telah ada firma ukur bahan tempatan yang telah berbuat sedemikian. Firma-firma tersebut berjaya mengembangkan operasi mereka di sekitar rantau Asia dan Afrika melalui pengendalian projek secara konsortium dengan kontraktor tempatan mahupun kerjasama dengan firma asing. Semasa pengendalian projek tersebut, mereka telah menimba banyak pengalaman melalui khidmat rundingan ukur bahan yang diberikan kepada klien di luar negara samaada di peringkat pra-kontrak mahupun pos-kontrak. Ini termasuklah pengalaman yang melibatkan perkara seperti masalah yang dihadapi ketika pengoperasian, jenis perkhidmatan ukur bahan yang dikehendaki, sumber kewangan, persediaan yang diperlukan dan faktor yang selalu dinilai oleh klien dalam memilih firma ukur bahan asing sebagai perunding. Pengalaman ini haruslah dikenalpasti bagi mendapatkan maklumat yang lengkap tentang pengoperasian di luar negara supaya ia dapat dijadikan panduan kepada firma-firma ukur bahan tempatan lain yang berhasrat untuk membuat sedemikian kelak.

ABSTRACT

Quantity surveying services began in this country when English officers introduced it in 1930. Since that quantity surveying services has well developed especially in 1960 and 1970 due to a lot of construction projects provided through Malaysia Planning which is introduced at every 5 years. The development happened continuously and quantity surveying services became established and its role started to be recognised until Malaysia has signed GATT agreement which was a turning point for domestic construction industry in facing a globalization challenges. Globalization would bring a situation where all the parties involve in local construction industries including quantity surveyor's firm have to compete with foreign international company to secure project opportunities in our own country. This will reduce the domination of local firms and at the same time, the slow growth of construction industry would make the situation become worse. If things never change, the future of local quantity surveyor's firm seems to be critical to survive. In facing those situation, the government of Malaysia has took an action in solving the problems by encouraging the local companies to go beyond the boundry to seek a new opprtunities in other country. This idea is practical as a solution since there are few local quantity surveying firms have done it. These firms have successfully spread their operation within Asia and Africa region through project management as a consortium with local contractors or alliances with foreign firms. During the overseas operation these firms gained a lot of experiences from the consultation provided to the foreign clients either in pre-contract or post-contract stage. The eperiences include the matter such as problems faced, type of services required, source of finance, preparation and important criteria that always be valuated by foreign client in choosing a consulting firms. These experiences need to be identified to get a detail information about overseas operation so that it can be used as a guide for other quantity surveying firms that wish to operate at international level.